



**MAHKAMAH KUALA LUMPUR**  
Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur  
Jalan Tuanku Abdul Halim  
50506 KUALA LUMPUR  
MALAYSIA

Tel: 603-6209 4000  
Faks: 603-6209 4040  
Laman Web: <http://kl.kehakiman.gov.my>

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : (34) MKL 100-2/1/1 JLD. 2  
Tarikh : 30 Mac 2017

## SEPERTI LAMPIRAN

YBhg Tan Sri/ Dato'/ Datuk/ Datin/ Tuan/ Puan,

### PERUBAHAN DAN KEDUDUKAN TERKINI MAHKAMAH-MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KOMPLEKS MAHKAMAH KUALA LUMPUR.

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa berkuatkuasa pada 3 April 2017, beberapa perubahan akan dilaksanakan yang mana ianya akan melibatkan beberapa buah Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur. Perubahan-perubahan yang dimaksudkan ini adalah seperti berikut :

a) Pembukaan 1 Mahkamah Baru.

Berkuatkuasa 3 April 2017 sebuah Mahkamah Tinggi Malaya yang baharu yang dinamakan sebagai " Mahkamah Dagang 10 ( Pasca-Pengulungan dan Yang Berkaitan)" akan ditubuhkan di Bahagian Dagang. Mahkamah ini akan dikhaskan bagi mengendalikan permohonan-permohonan pasca penggulungan syarikat yang mana ianya akan mendengar dan mengendalikan permohonan-permohonan yang difailkan berkait dengan suatu perintah penggulungan syarikat yang telah dikeluarkan oleh mana-mana Mahkamah Tinggi NCC di Kuala Lumpur.

Selain daripada itu, Mahkamah ini juga akan mendengar dan mengendalikan kes-kes rayuan kepada Hakim Di Dalam Kamar (yang didaftarkan di Bahagian Dagang) serta permohonan-permohonan di dalam perkara kebangkrapan yang terletak di bawah bidangkuasa seorang Hakim Mahkamah Tinggi.

## b) Penutupan Mahkamah Tinggi NCVC 13.

Berkuatkuasa pada tarikh yang sama, Mahkamah Tinggi NCVC 13 akan ditutup sepenuhnya.

3. Dengan pembukaan serta penutupan Mahkamah-Mahkamah Tinggi yang dinyatakan di atas, maka akan ada sedikit perubahan kepada lokasi penempatan beberapa buah Mahkamah Tinggi Malaya di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur. Mahkamah-Mahkamah yang terlibat adalah seperti berikut :

BIL	MAHKAMAH TINGGI	LOKASI ASAL	LOKASI TERKINI
1	Mahkamah Tinggi NCC 3	Bilik Mahkamah 2 Aras 5, Sayap Kiri	Bilik Mahkamah 5 Aras 5, Tengah [dahulunya adalah Mahkamah Teknologi]
2	Mahkamah Dagang 10 (Pasca-Penggulungan dan Yang Berkaitan)	Mahkamah Baharu	Bilik Mahkamah 2 Aras 5, Sayap Kiri [dahulunya adalah Mahkamah Tinggi NCC 3)
3	Mahkamah Tinggi NCVC 4	Bilik Mahkamah 22 Aras 4, Sayap Kiri	Bilik Mahkamah 51 Aras 3, Sayap Kiri [dahulunya adalah Mahkamah Tinggi NCVC 13]

4. Sehubungan dengan perubahan-perubahan ini, dipohon kerjasama pihak YBhg Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan untuk mengambil maklum akan perkara ini dan sekiranya pihak YBhg. Tan Sri/ Dato'/Datuk/ Datin/ Tuan/ Puan mempunyai sebarang pertanyaan dila rujuk kepada pegawai-pegawai berikut :

Berkaitan Mahkamah Tinggi NCC 3 dan Mahkamah Dagang 10

- i) Tuan Ashraf Rezal Bin Abdul Manan  
Timbalan Pendaftar, Unit Hakim Pengurus Bahagian Dagang  
03-62094941
- ii) Puan Nurul Ezwany Binti Husin  
Timbalan Pendaftar, Mahkamah Tinggi NCC 3  
03-62094330


- iii) Tuan Tawfiq Bin Effendy Chin  
Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Dagang 10  
03-62094620

Berkaitan Mahkamah Tinggi NCVC 4 dan Mahkamah Tinggi NCVC 13

- i) Puan Mazuliana Binti Abdul Rashid  
Timbalan Pendaftar, Unit Hakim Pengurus Bahagian Sivil  
03-62094147
- ii) Puan Siri Nur Shafrida Binti Hashim  
Timbalan Pendaftar, Unit Hakim Pengurus Bahagian Sivil  
03-62094166
- iii) Puan Rumaizah Binti Baharom  
Timbalan Pendaftar, Mahkamah Tinggi NCVC 4  
03-62094150

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

  
**HASBI BINTI HASAN**  
Pengarah  
Mahkamah Kuala Lumpur

## LAMPIRAN

1. SEMUA PEGAWAI MAHKAMAH KUALA LUMPUR
2. SEMUA KAKITANGAN MAHKAMAH KUALA LUMPUR
3. UNIT PENTADBIRAN AM & FAIL  
MAHKAMAH KUALA LUMPUR
4. UNIT KESELAMATAN & SENGGARAN  
MAHKAMAH KUALA LUMPUR
5. UNIT ASET  
MAHKAMAH KUALA LUMPUR
6. OPERATOR MAHKAMAH KUALA LUMPUR
7. KETUA UNIT PENDAKWAAN  
JABATAN PEGUAM NEGARA  
CAWANGAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
UNIT PENDAKWAAN  
TINGKAT 7, (SAYAP KANAN) WISMA CHASE PERDANA  
OFF JALAN SEMANTAN, DAMANSARA HEIGHTS  
50490, KUALA LUMPUR
8. DSP ZULKIFLI BIN OSMAN  
PEGAWAI YANG MENJAGA  
POLIS MAHKAMAH KUALA LUMPUR
9. KUALA LUMPUR BAR COMMITTEE  
4<sup>TH</sup> FLOOR  
WISMA HANGSAM  
NO.1 JALAN HANG LEKIR  
5000 KUALA LUMPUR
10. BAR COUNCIL (MAJLIS PEGUAM)  
NO.13, 15 & 17  
LEBOH PASAR BESAR  
50050 KUALA LUMPUR  
MALAYSIA